

22.1.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## **ANGKA PENGGUNAAN AIR DOMESTIK PER KAPITA TERENDAH DI PULAU PINANG DALAM TEMPOH 24 TAHUN**

- **261 liter/kapita/hari (LKH) pada 2024, 23 LKH (8.1%) lebih rendah daripada 284 LKH pada 2023.**

PULAU PINANG, Rabu, 22.1.2025: Pada 2024, PBAPP mencatatkan statistik penggunaan domestik per kapita terendah di Pulau Pinang dalam tempoh 24 tahun.

Tahun lalu, rakyat Pulau Pinang menggunakan 261 liter/kapita/hari (LKH) air terawat berbanding 284 LKH pada tahun 2023. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 23 LKH atau 8.1% tahun ke tahun.

261 LKH adalah angka terendah untuk Pulau Pinang sejak tahun 2000 (255 LKH).

Walau bagaimanapun, harap maklum bahawa penduduk Pulau Pinang pada tahun 2000 adalah 1.3 juta orang berbanding 1.8 juta orang pada tahun 2024. Oleh itu, penggunaan air domestik keseluruhan telah meningkat sebanyak 39.8%, daripada kira-kira 123 juta m<sup>3</sup> pada tahun 2000 kepada 172 juta m<sup>3</sup> pada tahun 2024.

Namun begitu, angka 261 LKH menunjukkan langkah positif ke hadapan dalam pemuliharaan air domestik.

Dalam tempoh 10 tahun dari 2014 hingga 2023, penggunaan air domestik di Pulau Pinang telah berlegar antara 276 LKH dan 308 LKH. Sebagai perbandingan, purata negara ialah 237 LKH pada tahun 2022 manakala Singapura mencatatkan 141 LKH untuk 2023.

Ketika sambutan Hari Air Sedunia 2024 (WWD 2024) Pulau Pinang pada Mei 2024, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow dan PBAPP merayu pengguna domestik Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan air isi rumah sebanyak 10%, daripada 284 LKH kepada 256 LKH.

Walaupun Pulau Pinang tidak mencapai sasaran 256 LKH untuk tahun 2024, kami masih berjaya mencapai 261 LKH, iaitu hanya kurang 1.9%.

Oleh itu, PBAPP mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Pulau Pinang kerana menjimatkan air di rumah pada tahun 2024, yang membantu mengurangkan tekanan ke atas infrastruktur bekalan air sedia ada.

## **Faktor-faktor utama**

3 faktor utama pengurangan penggunaan air domestic mungkin adalah seperti berikut:

### **1. Semakan kadar air Pulau Pinang 2024**

PBAPP melaksanakan kadar air domestik baharu di Pulau Pinang mulai 1.2.2024, selaras dengan peraturan Kerajaan Persekutuan. Walaupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengarahkan PBAPP memberikan rebat 6 bulan untuk 10m<sup>3</sup> penggunaan domestik pertama, kadar air yang disemak telah mendorong isi rumah Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan air supaya dapat mengurangkan pembayaran untuk bil air mereka.

### **2. Peningkatan kesedaran awam**

Bekalan air telah menjadi topik umum utama di Pulau Pinang berikutan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang yang rendah, berikutan fenomena El Niño yang panas dan kering pada tahun 2023 dan 2024. Selain itu, media massa telah menetengahkan isu berkaitan dengan Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024), serta kejadian di Sungai Perai, Sungai Muda dan Permatang Pauh. Sehubungan itu, lebih ramai rakyat Pulau Pinang lebih menyedari tentang status kekurangan air Pulau Pinang dan mereka memberi respons secara positif dengan berusaha untuk mengurangkan penggunaan air.

### **3. Kempen “Kurangkan 10%” PBAPP 2024**

Sejak pengumuman kempen penjimatan air “Kurangkan 10%” pada tahun 2024, PBAPP mengeluarkan 7 lagi siaran media yang menggalakkan rakyat Pulau Pinang untuk “menjimatkan air” dan “gunakan air dengan bijak” pada tahun 2024, disebabkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang yang kurang optimum. Siaran media massa ini menunjukkan jalan ke arah “petua penjimatan air” yang disenaraikan di laman web [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my), seperti kurangkan kekerapan mencuci kenderaan dan tidak menggunakan hos air untuk membersihkan rumah atau menyiram pokok.

## **Memandang ke hadapan**

PBAPP akan menetapkan dan mengumumkan sasaran penggunaan domestik per kapita baharu untuk Pulau Pinang pada tahun 2025 tidak lama lagi.

Lagipun, jika purata nasional untuk Malaysia ialah 237 LKH dan rakyat Singapura boleh menggunakan 141 LKH, nampaknya tiada sebab mengapa rakyat Pulau Pinang

tidak dapat mengurangkan lagi penggunaan air isi rumah mereka.

Pada 20.1.2025, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang masing-masing adalah 78.3% dan 60.1%. Walaupun peramal cuaca antarabangsa meramalkan bahawa 2025 akan menjadi *El Niño Southern Oscillation* (ENSO) atau tahun La Niña yang sederhana, status bekalan air kita “tidak selamat” sehingga empangan ini diisi semula oleh hujan ke kapasiti yang lebih tinggi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “Gong Xi Fa Cai” lebih awal kepada pelanggan Cina kami.

Teruskan menggunakan air dengan bijak semasa musim perayaan Tahun Baru Cina 2025. Untuk petua penjimatan air, sila layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)